



SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
BILANGAN: 01/2012

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Kepada:
Semua Pengurus-Pengurus dan para Majikan
bagi Syarikat-Syarikat, Firma-Firma,
Gedung-Gedung Perniagaan,
Agensi-Agensi Tenaga Kerja,
Individu-individu persendirian yang menguruskan
tenaga kerja asing serta orang ramai
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Per: PERINTAH AGENSI PEKERJAAN 2004

Dengan hormat sukacita menyusuli Surat Pemberitahuan Jabatan Buruh Bilangan 04/2011 bertarikh 05 Muharram, 1433 / 01 Disember, 2011 mengenai dengan pelaksanaan sepenuhnya Perintah Agensi Pekerjaan, 2004 yang bermula pada 01 Januari, 2012 lalu.

Susulan kepada beberapa isu yang ditimbulkan oleh orang ramai dan individu-individu persendirian yang menguruskan tenaga kerja asing sebelum pelaksanaan Perintah Agensi Pekerjaan, 2004 ini di media massa dan juga dalam perjumpaan yang diadakan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri khususnya mengenai dengan kadar harga pengurusan pengambilan pekerja asing yang dikenakan oleh agensi-agensi pekerjaan yang dikatakan terlalu mahal dan perlu dibuat pengawalan; dan juga isu jaminan wang tunai (*security cash deposit*) yang dikenakan kepada agensi-agensi pekerjaan yang terlalu tinggi dan mendatangkan kesulitan kepada individu-individu persendirian yang mengendalikan tenaga pekerja asing untuk memenuhinya.

Isu-isu yang ditimbulkan ini telah pun diteliti dan diperbincangkan diantara Jabatan Buruh dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dan berikut adalah ketetapan, cadangan penyelesaian serta penjelasan mengenainya:-

1. KADAR HARGA PENGURUSAN TENAGA ASING YANG TERLALU MAHAL DAN PERLU DIBUAT PENGAWALANNYA (STANDARDIZED PRICE).

Jabatan Buruh mengambil perhatian mengenai dengan keperluan untuk mengadakan pengawalan ke atas harga-harga bayaran yang dikenakan oleh agensi-agensi pekerjaan kepada orang ramai dan majikan. Walaubagaimanapun, oleh kerana Perintah Agensi Pekerjaan 2004 ini baru sahaja dikuatkuasakan sepenuhnya adalah terlalu sukar untuk menentukan / menetapkan harga yang berpatutan serta bersesuaian bagi setiap jenis perkhidmatan yang disediakan oleh agensi pekerjaan pada peringkat awal ini. Jabatan Buruh perlulah terlebih dahulu mendapatkan maklumat lanjut serta kajian-kajian tertentu, antaranya:

- i). Bayaran-bayaran perkhidmatan yang sedia ada yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti visa, pemeriksaan kesihatan dan X-ray, kad pengenalan pintar dan lain-lain;
- ii). Bayaran bagi kos operasi seperti sewa pejabat, gaji kakitangan yang diambil bekerja, perbelanjaan memberikan latihan kepada pekerja asing, serta kos penginapan dan makan / minum pekerja asing yang perlu ditanggung sebelum mereka diserahkan kepada majikan;
- iii). Bayaran keseluruhan yang dikenakan oleh agensi-agensi di luar negara dan juga di dalam negara pada masa ini, dan pada tahun-tahun sebelumnya. Ini termasuklah kos perbelanjaan mendatangkan pekerja sebelum sampai di negara ini seperti tiket penerbangan, tempat penginapan dan sebagainya; dan

- iv). Mengenalpasti permintaan dan pembekalan tenaga asing yang diambil berkhidmat pada tahun 2011 dan pada bulan-bulan yang akan datang ini.

Kajian ini memerlukan masa sekurang-kurangnya 12 bulan.

Untuk kemudahan dan keselesaan orang ramai dan para majikan, di peringkat awal ini Jabatan Buruh akan meminta semua agensi-agensi pekerjaan yang sudah berlesen untuk memaklumkan secara terbuka serta mempamerkan harga-harga perkhidmatan yang dikenakan secara *package* dan juga mengikut setiap jenis perkhidmatan yang disediakan. Orang ramai dan para majikan adalah dengan ini dinasihatkan supaya lebih bijak dalam memilih agensi-agensi pekerjaan yang akan digunakan dengan membuat perbandingan harga serta mengambilkira perkhidmatan yang diberikan dengan harga yang dikenakan mengikut kemampuan masing-masing.

2. KAEDAH BAGI INDIVIDU-INDIVIDU PERSENDIRIAN YANG BERGIAT DALAM MENGURUSKAN TENAGA KERJA SEBELUM INI UNTUK TERUS DAPAT MENJALANKAN KEGIATAN BERKENAAN.

Jabatan Buruh sukacita menarik perhatian bahawa Perintah Agensi Pekerjaan 2004 tidaklah menghalang individu-individu persendirian yang sebelum ini bergiat dalam menjalankan pengurusan tenaga asing untuk meneruskan kegiatan sedemikian. Walaubagaimanapun kegiatan yang dijalankan itu perlulah dibuat secara sah dan teratur mengikut kehendak yang digariskan di dalam Perintah Agensi Pekerjaan 2004. Terdapat 4 kaedah dalam mana individu persendirian yang berkenaan itu dapat meneruskan kegiatan termasuklah 2 kaedah yang telah pun disampaikan melalui Surat Pemberitahuan Jabatan Buruh bilangan 04/2011 lalu:

- i). Kaedah Pertama : Individu-individu yang bergiat dalam urusan tenaga kerja asing sebelum ini untuk menubuhkan syarikat agensi pekerjaan mereka sendiri dan seterusnya memohonkan lesen bagi menjalankan kegiatan agensi pekerjaan sepertimana jua permohonan-permohonan yang lain. Keutamaan akan diberikan kepada mereka untuk mendapatkan lesen asalkan sahaja memenuhi peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Perintah Agensi Pekerjaan 2004.

- ii). Kaedah Kedua : Bagi individu-individu yang kurang berkemampuan untuk menubuhkan syarikat di bawah kaedah pertama, mereka bolehlah pula menjadi tenaga kerja (pekerja) kepada agensi-agensi pekerjaan yang sudah berlesen. Melalui kaedah ini, individu-individu berkenaan tidak akan hilang sumber pendapatan.

- iii). Kaedah Ketiga : Individu-individu yang kurang berkemampuan terutama dari segi pembayaran jaminan wang tunai (*security cash deposit*) juga mempunyai pilihan untuk menubuhkan syarikat secara bergabung dengan individu-individu lain yang juga menguruskan tenaga kerja asing sebelum ini. Dengan penubuhan syarikat secara bergabung ini setentunya boleh meringankan individu-individu berkenaan dalam membuat pembayaran jaminan wang tunai yang dikenakan bagi kegiatan agensi pekerjaan. Walaubagaimanapun, penubuhan syarikat secara bergabung ini tertaklukkan jua kepada kelulusan daripada Pendaftar-Pendaftar Syarikat (*Registrar of Companies*).

- iv). Kaedah Keempat : Individu-individu persendirian yang masih berhasrat untuk menubuhkan syarikat agensi pekerjaan sendiri tanpa bergabung tetapi kurang berkeupayaan bagi pembayaran jaminan wang tunai yang dikenakan adalah dibolehkan untuk membayar jaminan wang tunai berkenaan secara beransur-ansur melalui pertimbangan khas. Pertimbangan khas ini, bagaimanapun, adalah tertaklukkan kepada peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti di **LAMPIRAN I** yang disertakan.

Maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan mengenai kaedah pembayaran jaminan wang tunai secara beransur-ansur ini serta lain-lain perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan Perintah Agensi Pekerjaan 2004 bolehlah diperolehi pada waktu-waktu bekerja melalui:

**Unit Agensi Pekerjaan
Bahagian Piawaian Perburuhan dan Agensi Pekerjaan,
Tingkat 4, Jabatan Buruh
Tel: 2383006 ext 4416**

Sekian disampaikan.

*"Perkhidmatan Berasaskan Kesabaran dan Keyakinan"
"Akhlaq Mulia, Kehidupan Sempurna"*

Dengan hormat,

(AWANG RAMLEE BIN HAJI JAMUDIN)

Pemangku Pesuruhjaya Buruh
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 27 Safar 1433/ 21 Januari 2012

Rujukan Kami: PJB/2004/4/2 J.2

s.k.:

Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan